

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI  
[BATU PAHAT - PKR]**

**TARIKH : 29 MAC 2018 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 55**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan setakat mana objektif Pembangunan Belia Negara dalam membangunkan Modal Insan telah tercapai. Nyatakan petunjuk dan pengukur akan pencapaian tersebut.

**SULIT****JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah melaksanakan **Kajian Pembangunan Belia Positif (8C)** di Malaysia. Dalam konteks Dasar Belia Malaysia, modal insan belia diukur melalui 8 *domain* iaitu *Caring*, *Competent*, *Character*, *Confident*, *Cooperation*, *Considerate*, *Competitive* dan *Contribution* (8C).
  
2. Matlamat pembangunan modal insan ini adalah untuk melahirkan:
  - i) ***Caring*** - Generasi belia bersifat **penyayang** serta belas kasihan terhadap golongan yang lebih dewasa, kanak-kanak, golongan yang memerlukan, haiwan dan alam sekitar;
  
  - ii) ***Competent*** - Generasi belia yang **cekap**, berkelayakan serta berkebolehan menjalankan tugas dengan sempurna dalam bidang akademik, sosial, emosional dan vokasional;
  
  - iii) ***Character*** - Generasi belia yang bercirikan nilai positif, berintegriti serta mempunyai nilai moral yang kukuh;
  
  - iv) ***Confident*** - Generasi belia yang mempunyai **keyakinan** terhadap identiti diri;

## SULIT

- v) **Cooperation** - Jaringan hubungan atau **kerjasama** belia dalam konteks pembangunan belia dengan pihak tertentu;
- vi) **Considerate** - Generasi belia yang mempunyai perasaan **bertimbang rasa** tanpa mengira perbezaan latar belakang sesuatu kaum mahupun agama;
- vii) **Competitive** - Generasi belia yang **kompetetif** dengan memberi ruang yang lebih besar kepada belia untuk memainkan peranan yang aktif dalam proses pembangunan negara supaya dapat mendepani cabaran dengan tenang dan bijaksana; dan
- viii) **Contribution** - Generasi belia yang **menyumbang** sesuatu yang positif kepada keluarga, sekolah atau institusi pengajian, kejiranan dan masyarakat. Melalui **sumbang** yang dihulurkan belia berpeluang untuk mempraktikkan 7C sebelumnya.
3. Hasil kajian menunjukkan bahawa skor pembangunan belia positif 8C secara keseluruhan berada pada tahap sederhana iaitu sebanyak 63.94. Skor mengikut domain seperti berikut :
- |      |                     |   |                   |
|------|---------------------|---|-------------------|
| i)   | <b>Contribution</b> | : | 71.26 (Sederhana) |
| ii)  | <b>Caring</b>       | : | 70.50 (Sederhana) |
| iii) | <b>Character</b>    | : | 68.87 (Sederhana) |
| iv)  | <b>Competitive</b>  | : | 65.40 (Sederhana) |
| v)   | <b>Cooperation</b>  | : | 64.77 (Sederhana) |
| vi)  | <b>Confident</b>    | : | 63.26 (Sederhana) |

**SULIT**

- vii) **Consideration** : 63.02 (Sederhana)  
viii) **Competent** : 58.29 (Kurang memuaskan)

4. Melalui indikator dan pengukuran yang telah dijalankan ini, Kementerian dapat mengenal pasti ruang lingkup yang boleh diberikan perhatian dan seterusnya mengambil tindakan penambahbaikan bagi meningkatkan lagi usaha-usaha pembangunan belia di negara ini.

Sekian, terima kasih.